



**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB
MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
KOS SARA HIDUP**

SEMPENA

**PELANCARAN PROGRAM INISIATIF PAYUNG RAHMAH
BERSAMA AEON BIG (M) SDN. BHD.**

20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)

**BERTEMPAT DI :
AEON BIG WANGSA MAJU, KUALA LUMPUR**

TERIMA KASIH SAUDARA/SAUDARI Pengerusi Majlis

**YBRS. ENCIK SHEIKH FAROUK BIN SHEIKH MOHAMED
PENGARAH URUSAN
AEON BIG (MALAYSIA) SDN. BHD.**

**YBHG. DATUK ROZIAH BINTI ABUDIN
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(PEMBANGUNAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI), KPDN**

**YBRS. ENCIK AHMAD RIZAL BIN KHALIT
PENGARAH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN, KPDN**

**YBRS. TUAN SAIFULBAHRI BIN ABD KADIR
KETUA SEKSYEN PENGUATKUASA
BAHAGIAN PENGUATKUASA, KPDN**

**YBRS. ENCIK ARIFFIN BIN SAMSUDIN
PENGARAH KPDN KUALA LUMPUR**

PEGAWAI-PEGAWAI KPDN

PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN AEON BIG (M) SDN. BHD.

SAHABAT-SAHABAT MEDIA

**TUAN-TUAN/PUAN-PUAN HADIRIN YANG SAYA HORMATI
SEKALIAN**

Assalammualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala kerana dapat hadir ke majlis pelancaran Program Inisiatif Payung Rahmah bersama AEON BIG (Malaysia) Sdn. Bhd. bertempat di AEON BIG Wangsa Maju, Kuala Lumpur pada hari ini dan ribuan terima kasih diucapkan atas kesudian menjemput saya untuk menyempurnakan majlis pelancaran ini.

2. Tahniah dan terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada pihak AEON BIG kerana telah menunjukkan komitmen yang tinggi serta mengambil inisiatif dalam menjayakan Program Inisiatif Payung Rahmah yang diperkenalkan oleh KPDN. Penyertaan AEON BIG sebagai antara pemain industri peruncitan terbesar negara adalah amat penting dan dialu-alukan serta diharap kerjasama dan sokongan seperti ini akan berterusan pada masa akan datang sekaligus akan memberikan manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.

3. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat media yang telah sama-sama menyebarkan dan mempromosikan pelaksanaan Program Inisiatif Payung Rahmah ini secara meluas ke seluruh pelosok negara.

Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,

4. Seperti sedia maklum, Program Payung Rahmah adalah manifestasi keprihatinan dan konsep kasih sayang Kerajaan kepada rakyat golongan berpendapatan rendah dengan kerjasama rakan-rakan strategik yang terlibat. 5 inisiatif telah dikenalpasti untuk dilaksanakan di bawah Program Payung Rahmah yang merangkumi Menu Rahmah, Bakul Rahmah, Jualan Rahmah, Pakej Rahmah dan Kafe Rahmah yang merupakan *quick win* yang diambil oleh KPDN dalam usaha membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat.

5. Seperti Menu Rahmah, ia merupakan satu inisiatif yang menawarkan hidangan makan tengah hari atau makan malam yang seimbang yang ditawarkan dengan harga tidak melebihi RM5.00 bagi setiap hidangan. Ia merupakan saranan Kerajaan yang disambut dengan positif oleh pemain industri makanan dan minuman, hasil daripada sesi libat urus yang dijalankan oleh KPDN. Inisiatif ini telah dilancarkan pada 31 Januari 2023 dan ia juga telah diumumkan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada 9 Februari 2023 kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian mengembangkan inisiatif ini di restoran dan kafeteria di Kementerian masing-masing. Program ini dilaksanakan secara sukarela oleh para peniaga dan ditawarkan kepada semua golongan rakyat Malaysia dan boleh diperolehi di premis-premis perniagaan yang menawarkan pakej ini seperti di rangkaian AEON BIG seluruh negara. Sehingga hari ini, sebanyak 512

premis di seluruh negara telah menyertai program Menu Rahmah ini dengan menawarkan pelbagai jenis menu pada kadar tidak melebihi RM5.00.

Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,

6. Selain Menu Rahmah, Jualan Rahmah merupakan program jualan murah sepanjang tahun 2023 oleh pasaraya besar dan pasaraya, dengan menyasarkan potongan harga antara 10 hingga 30% dengan keutamaan di lokasi-lokasi yang mempunyai rakyat berpendapatan rendah. Jualan Rahmah ini akan diperkembangkan dan dilaksanakan di setiap 222 kawasan Parlimen di seluruh negara dan telah dilancarkan atau *kick-off* oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pada 11 Januari 2023. Kini, program Jualan Rahmah ini diperluaskan dan diperhebatkan lagi menerusi penyertaan oleh pihak AEON BIG Sdn. Bhd. yang mana turut akan memperluaskan program ini ke cawangan diseluruh negara. Kerjasama ini dapat memastikan capaian program Jualan Rahmah ini adalah meluas dan dapat dinikmati oleh pelbagai lapisan rakyat Malaysia terutama bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Selain 2 inisiatif yang telah saya sebutkan tadi, Inisiatif Bakul Rahmah turut diperkenalkan. Inisiatif ini akan memanfaatkan seramai 40 ribu Ketua Isi Rumah (KIR) kategori miskin tegar yang direkodkan di seluruh Malaysia.

Ia dijalankan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Majlis Agama Islam Negeri dan rakan strategik industri peruncitan seluruh negara dengan menyasarkan sumbangan berbentuk bakul makanan (keperluan harian) bernilai RM100. Barangan keperluan yang dikenalpasti adalah beras, gula, minyak masak, tepung, susu pekat, mihun dan telur ayam yang akan diagihkan kepada kumpulan sasar pada setiap bulan.

8. Manakala Inisiatif Pakej Rahmah pula merupakan pakej yang menawarkan pilihan barang dan perkhidmatan dengan tawaran harga yang lebih murah daripada harga pasaran. Ia juga akan dilaksanakan secara sukarela oleh pemain-pemain industri dalam sektor peruncitan dan perkhidmatan serta terbuka kepada semua golongan rakyat.

9. Pada hari ini, keempat-empat inisiatif tersebut akan dilancarkan dan akan dilaksanakan oleh pihak AEON BIG. Syabas dan tahniah saya ucapkan atas kerjasama yang diberikan ini. Sokongan seperti ini daripada pihak pemain industri peruncitan amatlah dihargai dan diharapkan aspirasi dan matlamat Kementerian dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat akan tercapai.

10. Usaha yang dilakukan oleh AEON BIG ini merupakan satu contoh yang perlu diberi pujian serta galakan. AEON BIG sentiasa proaktif dalam merancang serta melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menyokong pelan Kerajaan dalam membantu rakyat dan secara langsung dapat meningkatkan jualan sektor peruncitan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Saya menyeru kepada semua pihak agar sama-sama menyokong usaha Kerajaan ini dengan menyertai dan menjalin kerjasama dengan KPDN untuk memperluaskan semua inisiatif-inisiatif di bawah Program Payung Rahmah ini agar ia dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia. Pada masa yang sama dapat membantu meringankan beban kos sara hidup serta merancakkan ekonomi negara dengan menggalakkan rakyat berbelanja. Juga sudah tentunya sebagai seorang pengguna di negara ini, kita perlu pastikan bahawa setiap perbelanjaan mampu memberi lebih nilai untuk wang (*value for money*), berpatutan dan berkualiti.

12. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pelancaran Program Inisiatif Payung Rahmah Bersama AOEN BIG (M) Sdn. Bhd. ini. Sekalung penghargaan diberikan kepada pihak AEON BIG yang telah bekerjasama dengan Kementerian bagi merealisasikan usaha dan inisiatif Kerajaan untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

16. Dengan lafaz Bismillah, saya dengan ini, merasmikan Program Inisiatif Payung Rahmah Bersama AOEN BIG (M) Sdn. Bhd.

Sekian, salam hormat dan terima kasih.